

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan warganegara dan orang asing (dengan pecahan kewarganegaraan) yang telah dijatuhkan hukuman mati di peringkat Mahkamah Persekutuan setiap tahun dari 2015 – 2019 mengikut bangsa, negeri, dan kesalahan serta bilangan kes di peringkat Lembaga Pengampunan dengan pecahan berapa telah diampun dan/atau ditukar hukuman mati dan jumlah permohonan pengampunan yang masih tertangguh.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pesalah yang dijatuhkan hukuman mati di peringkat Mahkamah Persekutuan mulai dari tahun 2015 hingga 2019 bagi warganegara Malaysia adalah seramai 188 orang dan jumlah warganegara asing pula adalah seramai 198 orang. Jumlah pesalah mengikut pecahan kewarganegaraan, bangsa dan negeri adalah seperti berikut:

Pecahan Warganegara Malaysia Mengikut Bangsa:

Bangsa	Bilangan (orang)
Melayu	75
India	47
Cina	46
Bumiputera	17
Singh	3
JUMLAH	188 orang

Pecahan Warganegara Malaysia Mengikut Negeri Kes Yang Didaftar:

Bangsa	Bilangan (orang)
Selangor	48
Sabah	27
Kedah	19
Perak	19
Sarawak	16
Johor	15
Kuala Lumpur	12
Pulau Pinang	12
Negeri Sembilan	8
Pahang	6
Melaka	4
Kelantan	2
JUMLAH	188 orang

Pecahan Warganegara Asing Mengikut Negara:

Bangsa	Bilangan (orang)
Nigeria	60
Iran	39
Indonesia	21
Thailand	13
India	11
Filipina	10

Vietnam	7
Pakistan	6
China	5
Papua New Guinea	4
Afrika Selatan	3
Kemboja	3
Uzbekistan	3
Congo	2
Romania	2
Perancis	2
Togo	2
Singapura	1
Iraq	1
Sweden	1
Mongolia	1
Jerman	1
JUMLAH	198 orang

Berkaitan pengampunan, Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri pula berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan lain yang dilakukan di dalam Negerinya.

Bagi tempoh 2015 hingga 2019, sebanyak 1,129 rayuan pengampunan banduan telah dibawa untuk pertimbangan Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri dan daripada jumlah tersebut sebanyak 197 rayuan pengampunan atau 17.4% melibatkan rayuan pengampunan banduan yang dijatuhkan hukuman mati di bawah Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

Sekian, terima kasih.